



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 41 BIL 11 TAHUN 2022**

**TAWARAN PERMOHONAN PROGRAM / AKTIVITI BERIMPAK
AKADEMI ADAB, JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

Akademi Adab Universiti Malaysia Pahang (UMP), mempelawa Badan Pelajar yang berdaftar mengemukakan permohonan program/aktiviti yang berimpak dengan syarat-syarat berikut:

1. Permohonan dipohon secara berkumpulan.
2. Program/aktiviti berlandaskan kluster Pembangunan Pelajar iaitu:
 - i. Kecerdasan Akademik & Kerjaya
 - ii. Seni, Budaya & Warisan
 - iii. Komunikasi
 - iv. Kecerdasan Emosi
 - v. Kecerdasan Rohani
 - vi. Kesukarelawan
 - vii. Kepimpinan
 - viii. Pengurusan & Keusahawanan
 - ix. Perpaduan & Kenegaraan
 - x. Rekreasi
 - xi. Sukan
 - xii. Daya Usaha & Inovasi
3. Tempoh program/aktiviti sekurang-kurangnya **6 bulan** dengan bimbingan dan pemantauan oleh penasihat Badan Pelajar atau staf UMP.

4. Program/aktiviti yang dianjurkan mestilah memberi manfaat kepada komuniti setempat, masyarakat dan negara.
5. Digalakkan berkolaborasi dan mendapat tajaan dari agensi luar badan kerajaan dan swasta,
6. Penganjuran program berimpak ini digalakkan untuk berkolaborasi yang melibatkan:
 - a. Badan Pelajar
 - b. Pusat Tanggungjawab
 - c. Fakulti
 - d. Residen Pelajar
 - e. Agensi Luar / Badan Kerajaan / Agensi Swasta
 - f. Komuniti Setempat
7. Penganjuran program berimpak ini hendaklah terdiri daripada kepelbagaian Bangsa dan Jantina.
8. Pembiayaan *seed money* akan diberikan. Jumlah peruntukan akan dinilai impak program/aktiviti.
9. Permohonan hendaklah melalui Sistem Student Activity Application (Ecomm).

Sebarang pertanyaan berhubung urusan Akademi Adab, UMP boleh disalurkan melalui email adab@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



ABD RAHMAN BIN AHMAD

Eksekutif Kanan

Akademi Adab

Jabatan Hal Ehwal Pelajar&Alumni

Tarikh : 20 Jun 2022

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PROGRAM / AKTIVITI IMPAK

